

# UTHM hasilkan kenderaan elektrik

Oleh MOHAMAD FAHD RAHMAT  
utusannews@mediamula.com.my

**BATU PAHAT:** Usaha dan kerja keras sekumpulan penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) selama setahun membawa kejayaan dengan terhasilnya kenderaan elektrik (EV) mesra alam.

Diberi nama Eco, kenderaan itu mempunyai sistem arahan suara bagi memudahkan pengguna mengaktifkan sistem lampu dan kamera pandang belakang.

Ketua penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik UTHM, Prof. Madya Dr. Samsul Haimi Dahlan berkata, rekaan itu adalah pertama yang bercirikan pencemaran sifar dan mempunyai reka bentuk pintar.

“Kajian ini dilakukan bersama-sama pensyarah UTHM iaitu Dr. Xavier Ngu selaku Pengarah Teknikal dan Dr. Razali Tomari sebagai pakar kecerdasan buatan serta Mohd. Rostam Anuar (pakar integrasi sistem).

“Kenderaan ini dibina bagi



**NAIB Canselor UTHM, Prof Datuk Dr. Wahid Razzaly mencuba kenderaan elektrik (EV) mesra alam dinamakan Eco sempena pelancarannya baru-baru ini. - GAMBAR IHSAN UTHM**

tujuan pengangkutan barangan domestik bagi menggantikan lori kecil berkuasa diesel yang

banyak digunakan sekarang,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata, Eco memiliki kelajuan maksimum hingga 100 km/j dan berdaya kilas 120Nm.

“Kecekapan ini menjadikan Eco amat mudah untuk dikendalikan. Kenderaan ini hanya memerlukan sumber kuasa elektrik rumah kediaman (240V) untuk dicas semula dan setiap pengecasan penuh mampu membawa sejauh 100 kilometer

“Eco yang berasal dari perkataan *ecology* ini berkonsepkan sebuah trak mini bagi tujuan pengangkutan jarak sederhana dan mampu membawa bebanan sehingga 200 kilogram,” katanya.

Beliau berkata, Eco memberi penyelesaian mudah kepada masalah pencemaran alam sekitar disebabkan penghasilan gas hidrokarbon hasil daripada pembakaran minyak kenderaan serta saiznya yang kompak memudahkan pergerakan di kawasan sesak.

Untuk rekod, projek ini dibangunkan bermula pada pertengahan 2019 oleh sekumpulan penyelidik dari Pusat Penyelidikan Elektromagnet Gunaan (EMCenter), Institut Kejuruteraan Integrasi UTHM.